

TEKS UCAPAN

YBHG. KETUA SETIAUSAHA

KEMENTERIAN KERJA RAYA

SEMPENA

MAJLIS “JASA DIKENANG BUDI DISANJUNG”

YBHG. DATO’ SRI Ir. Dr. ROSLAN BIN MD TAHA

KETUA PENGARAH KERJA RAYA MALAYSIA

14 MAC 2019 (KHAMIS)

DEWAN TAN SRI MAHFOZ KHALID

Yang Berhormat Tuan Baru Bian
Menteri Kerja Raya

Yang Berhormat Tuan Haji Mohd Anuar bin Mohd Tahir
Timbalan Menteri Kerja Raya

Yang Diraikan - YBhg. Dato' Sri Ir. Dr. Roslan bin Md Taha
Ketua Pengarah Kerja Raya

YBhg. Dato' Ir. Ahmad 'Asri bin Abdul Hamid
Ketua Eksekutif Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan

YBhg. Dato' Sr. Aziz bin Abdullah
Ketua Pengarah
Lembaga Lebuhraya Malaysia

Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya

Pengarah-Pengarah Kanan, Pengarah-Pengarah Cawangan / Bahagian,
Pengarah-Pengarah Negeri, Jurutera-Jurutera Daerah, Pegawai-Pegawai
Kader, Pegawai-Pegawai Kanan dan tuan-tuan dan puan-puan yang
dihormati sekalian.

Assalamualaikum wbt, Salam Sejahtera dan Selamat Tengah hari,

1. Pertamanya, segala puji bagi Allah SWT kerana dengan izin dan rahmatNya dapat kita bersama-sama hadir dalam Majlis “Jasa Dikenang Budi Disanjung” pada hari ini. Saya rasa berbesar hati kerana pihak JKR Malaysia sudi mengundang saya untuk menyampaikan sepatah dua kata di majlis yang penuh makna ini. Seperti yang kita ketahui, pada hari ini Kementerian Kerja Raya amnya dan JKR Malaysia khususnya bakal kehilangan sebutir permata yang amat berdedikasi dalam menjalankan amanahnya sebagai penjawat awam.

2. Majlis pada hari ini diadakan sebagai satu tanda penghargaan serta rakaman terima kasih yang tidak terhingga pihak Kerajaan khususnya Kementerian Kerja Raya dan Jabatan Kerja Raya kepada Dato’ Sri Ir Dr Roslan bin Md Taha, Ketua Pengarah Kerja Raya atas segala curahan bakti dan sumbangan yang cemerlang selama berkhidmat sebagai seorang penjawat awam. Saya sedar sesungguhnya segala jasa, sumbangan dan khidmat bakti hampir 37 tahun beliau tiada boleh disamakan nilainya dengan penganjuran majlis ini sahaja. Namun, majlis ini sebagai tanda ingatan dan pengiktirafan kami di Kementerian dan JKR kepada Dato’ Sri Ir

Dr Roslan yang berjaya menerajui JKR Malaysia selama 2 tahun 7 bulan dengan gemilang.

3. Persaraan boleh diumpamakan sebagai suatu dunia baharu dalam kehidupan seseorang penjawat awam. Di situlah bermulanya fasa seorang penjawat awam melepaskan segala tugas, keringat dan amanah yang digalas selama ini.

4. Jujur saya katakan, sebelum ini saya tidak begitu mengenali Dato' Sri Ir Dr Roslan, tetapi setelah saya dilantik menjadi Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, barulah saya dapat mengenali beliau dengan lebih dekat lagi. Apa yang dapat simpulkan sepanjang perkenalan singkat saya bersama beliau ialah Dato' Sri Ir Dr Roslan seorang yang hebat dan penuh semangat dalam industri teknikal ini. Beliau juga memiliki kepakaran, pengalaman dan ilmu pengetahuan yang luas, dan boleh diumpamakan seperti sebutir berlian di dalam industri pembinaan. Oleh itu, persaraan beliau satu kehilangan besar kepada KKR dan JKR. Semoga Dato' Sri tidak terus meninggalkan industri ini walaupun telah bersara.

5. Mengenal Dato' Sri Ir Dr Roslan, antara karakter beliau yang saya dapat gambarkan dan boleh simpulkan *as my personal view*, beliau seorang yang *soft spoken*, penyayang, tenang orangnya manakala dari sudut kerja beliau seorang yang positif, proaktif dan berani menahut cabaran serta *knowledgable*. Beliau juga seorang yang sangat teliti, pakar dalam pengurusan projek dan juga pentadbiran kontrak. Ditambah pula dengan dengan bakat kepimpinan yang terserlah, amat sesuai untuk mentadbir sebuah agensi teknikal yang terbesar di negara yang kita sayangi ini. Atas keupayaan dan kepakaran yang dimiliki serta bakat kepimpinan yang terserlah, beliau telah diberi kepercayaan untuk memegang jawatan sebagai Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya pada 24 Ogos 2016, hingga ke hari ini. Saya bertuah, kerana sepanjang tempoh perkhidmatan Dato' Sri Ir Dr Roslan sebagai Ketua Pengarah Kerja Raya, beliau banyak menyumbang idea, pengalaman dan kepakaran untuk membantu saya dalam mentadbir dan menerajui Kementerian Kerja Raya menerusi Jabatan Kerja Raya ke tahap yang lebih tinggi.

6. Dalam kita melaksanakan amanah dan tugas yang digalas, pastinya tanpa kita sedari waktu berdetik begitu pantas dan akhirnya telah tiba di penghujung perjalanan kerjaya sebagai penjawat awam. Setelah

berkhidmat hampir 37 tahun, bermula bulan Ogos 1982 sehingga Mac 2019, kini Dato' Sri boleh menarik nafas lega kerana akhirnya dapat merehatkan diri daripada alam pekerjaan. Saya pasti, karisma dan cara kerja Dato' Sri Ir Dr Roslan sewaktu menjadi Ketua Pengarah, akan diingati oleh rakan-rakan seperjuangan, anak buah dan menjadi contoh teladan kepada generasi muda terutamanya, "*Man with ambitious and he nailed it*". Pastinya ramai orang yang akan merindui kelibat beliau nanti.

7. Saya difahamkan Dato' Sri telah melalui pelbagai pengalaman dalam perjalanan kerjayanya. Karier beliau bermula sebagai jurutera awam di Unit Makmal, Ibu Pejabat JKR pada tahun 1982. Beliau kemudiannya ditempatkan di JKR Unit FELDA Negeri Sembilan/ Johor Utara, Cawangan Bekalan Air Ibu Pejabat JKR, dilantik sebagai penyelaras kajian serta kerja-kerja EIA (Environmental Impact Assesment) bagi seluruh jabatan dan agensi kerajaan, Pengarah Cawangan Alam Sekitar dan Tenaga, Pengarah JKR Negeri Sembilan dan kembali menjawat jawatan Pengarah Cawangan Alam Sekitar dan Tenaga sebelum dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Infra). Beliau juga memiliki kepakaran dalam bidang pengurusan projek, geoteknik asas, rundingan teknikal dan kewangan bagi kajian projek alam sekitar termasuk EIA. Beliau turut

dilantik sebagai penasihat Noise Barriers dan juga penilai Green Building Index bagi Kementerian Kerja Raya dan JKR.

8. Sepanjang tempoh perkhidmatan Dato' Sri Ir Dr Roslan, beliau telah banyak menyumbangkan jasa terhadap kemajuan, perkembangan dan pembangunan dalam industri pembinaan negara. Atas kepimpinan beliau sepanjang menerajui JKR, pelbagai kejayaan signifikan telah dicapai. Antaranya;

- JKR Malaysia berjaya memperolehi pengiktirafan lima bintang (100%) untuk Petunjuk Prestasi Utama (KPI) HRMIS Tahun 2017 oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia dan ia merupakan pencapaian tertinggi yang boleh diperolehi sesebuah agensi kerajaan;
- Pewujudan Inisiatif 3 Dalam 1 iaitu Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC), Penyata Akaun Muktamad (SOFA) dan Lukisan Siap Bina (As-Built Drawing) disediakan dan diserahkan kepada pelanggan pada masa yang sama;
- Penyerahan Surat Setuju Terima (SST) bersekali dengan dokumen kontrak; dan

- JKR berjaya mengembalikan semula projek pembangunan persekutuan untuk dilaksanakan oleh JKR di setiap kementerian dan agensi tersebut dan juga projek Koridor Raya Utara serta Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah Iskandar (IRDA).

9. Justeru, atas usaha, kegigihan dan komitmen tinggi yang dibuktikan oleh Dato' Sri, tidak mustahil beliau berjaya mendapat skor 98% daripada Jabatan Perkhidmatan Awam(JPA) dalam Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi tahun 2017. Sebagai Ketua Setiausaha KKR, saya berasa bangga mendapat Ketua Pengarah seperti Dato' Sri.

10. Melihat kepada kewibawaan dan ketokohan yang dimiliki oleh Dato' Sri, beliau telah dilantik untuk menjawat pelbagai jawatan dalam badan profesional. Antaranya, dilantik sebagai Presiden Lembaga Jurutera Malaysia (BEM), Presiden Persatuan Kejuruteraan Jalan Malaysia (REAM), Pengerusi *Network of Accreditation Bodies for Engineering Education in Asia* (NABEEA), Presiden *Malaysian Structural Steel Association* (MSSA) dan sebagai *1st Delegate of Malaysia, The World Road Association*.

11. Banyak lagi pencapaian beliau dalam aktiviti luar yang tidak dapat saya ungkapkan satu persatu. Selain daripada terpilih menghadiri pelbagai seminar dan persidangan dalam negeri dan antarabangsa, Dato' Sri Ir Dr Roslan pernah diberi pengiktirafan untuk membentangkan pelbagai kertas kerja khususnya melibatkan isu pengurusan alam sekitar dan kelestariannya dalam pembangunan negara.

12. Sebenarnya banyak lagi pencapaian dan penglibatan beliau sepanjang berkhidmat sebagai penjawat awam yang tidak dapat saya ceritakan satu persatu. Yang pasti, jasa, bakti dan sumbangan yang dicurahkan oleh Dato' Sri Ir Roslan telah banyak membina semula imej JKR serta memartabatkan JKR untuk tetap berdiri kukuh dan relevan di arena tempatan dan antarabangsa sebagai agensi teknikal negara yang terunggul.

13. Dalam kesibukan bekerja, beliau turut aktif di dalam program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) seperti menziarahi kaum Orang Asli di Hutan Taman Negara Kuala Tahan, melepaskan anak-anak penyu di laut dan menanam pokok di Taman Negara Endau-Rompin. Beliau seorang yang mudah didekati dan mempunyai hubungan baik dengan

kakitangannya dan turut menyertai program *retreat* bersama kakitangannya.

14. Saya juga melihat Dato' Sri Ir Dr Roslan antara Ketua Pengarah yang aktif dalam media sosial khususnya *Twitter*. Dato' Sri banyak berkongsi program dan aktiviti melibatkan Kementerian dan JKR di *Twitter*, dan saya difahamkan beliau mempunyai ramai *follower* di *Twitter*.

15. Dengan ketokohan, kecemerlangan dan sikap dedikasi yang dimiliki beliau, ianya telah memberikan satu idola terbaik kepada seluruh warga JKR dalam meneruskan tanggungjawab yang telah diamanahkan. Semoga ia menjadi contoh teladan kepada warga jabatan yang masih berkhidmat.

16. Beliau juga seringkali turun padang dan bertemu dengan semua kakitangan JKR Negeri dan pasukan projek dalam siri program '*Walkabout*'. Ini menggambarkan beliau seorang pemimpin yang prihatin dengan hal ehwal jabatan dan kebajikan kakitangan. Ini antara faktor yang memacu kecemerlangan JKR dan menaikkan kembali imej JKR sebagai agensi teknikal negara yang terunggul. Justeru, besarlah harapan saya agar semua yang hadir pada hari ini umumnya dan pengganti beliau

khususnya, akan meneruskan usaha-usaha murni dan legasi yang ditinggalkan beliau.

17. Kepada Dato' Sri Ir Dr Roslan, saya amat percaya dan yakin bahawa jalinan persahabatan di antara kita akan tetap kukuh dan erat serta tidak akan terhenti sekadar di sini, bahkan akan terus berpanjangan hingga ke akhir hayat.

18. Walau pun berat dihati untuk berpisah, tetapi kita harus menerima dengan hati terbuka. Pasti, seluruh warga kerja JKR tidak kira di ibu pejabat, mahupun di seluruh negara akan merindui beliau sebagai seorang pemimpin yang sangat berkredibiliti, penuh integriti, mempunyai perwatakan yang tenang, pantas, mudah didekati, amat disenangi dan komited dengan tugas yang diamanahkan. Besar harapan saya agar beliau terus menyumbang bakti meneruskan imej cemerlang JKR walaupun telah bersara. Saya juga berharap beliau tidak akan melupakan kita di sini. *“Feel free to come and visit us”*.

19. Mewakili pihak Kementerian dan JKR Malaysia, saya ingin mengambil kesempatan di sini, untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan, dan jutaan terima kasih kepada Dato' Sri Ir Dr Roslan atas sumbangan dan komitmen besar beliau sepanjang menabur bakti di JKR. Semoga Dato' Sri Ir Dr Roslan terus menyumbang ilmu pengetahuan, kepakaran dan berkongsi pengalaman yang ada demi kepentingan masyarakat dan negara.

20. Akhir bicara, selamat bersara dan Selamat Maju Jaya kepada beliau. Semoga Dato' Sri Ir Dr Roslan dan isteri dikurniakan kesihatan yang baik untuk terus melaksanakan aktiviti harian dan gembira di samping keluarga. Kepada Dato' Sri terimalah pantun daripada saya;

Jam berputar berganti masa

Berundur Dato' Sri kerana bersara

Hilang seri hilang cahaya

Hilanglah permata yang berharga

Jasamu dikenang

Budimu tak terbilang

Semangat dijulang

Kepimpinanmu gemilang

Sekian, Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.